

29/05/2002

IDB sokong syor guna dinar emas

BANK Pembangunan Islam (IDB) menyokong penuh dan berminat untuk mengetahui lebih terperinci penggunaan dinar emas yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata sokongan itu dinyatakan Presiden IDB, Dr Ahmad Mohamed Ali, ketika lawatan beliau ke ibu pejabat bank itu di Jeddah, baru-baru ini.

"Presiden IDB menyatakan akan menyokong pelaksanaan dinar emas dan beliau berminat untuk menyertai seminar yang akan dianjurkan oleh IKIM supaya dapat sama-sama membincangkan mengenai cadangan pelaksanaan sistem mata wang itu," katanya ketika ditemui di Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Bhd, Kuala Lumpur, semalam.

IKIM difahamkan akan menganjurkan satu seminar antarabangsa mengenai penggunaan dinar emas Oktober ini.

Dr Shafie berkata, seminar itu penting bagi membuka laluan perbincangan terhadap bentuk mata wang yang dicadangkan dan mendengar pendapat pelbagai pihak mengenainya.

Beliau berkata, presiden IDB itu turut melahirkan rasa kagumnya terhadap idea yang dikemukakan Dr Mahathir terhadap pelaksanaan dinar emas yang juga disifatkannya sebagai satu idea yang sangat kreatif.

Ditanya mengenai bentuk mekanisma dinar emas, Dr Shafie berkata perkara itu belum dapat ditentukan lagi.

"Ada cadangan untuk menggunakan mata wang itu untuk membuat bayaran perlanjutan dua hala (BPA).

"Ini bermakna, jika ada hubungan ekonomi dengan negara Islam, dinar emas akan digunakan untuk membayar nilai lebihan urusan niaga." katanya.

Dr Shafie yang juga Ahli Parlimen Kuala Langat sebelum itu menyampaikan sumbangan cek bernilai RM12,000 kepada jawatankuasa penganjur GP Joran 2002 yang akan menjayakan pertandingan memancing di Kelanang, Kuala Langat, Selangor.

Pertandingan dua hari bermula Sabtu ini adalah anjuran Berita Harian Sdn Bhd (BHSB).

Sumbangan disampaikan kepada Ketua Pengarang Kumpulan BHSB, Datuk Ahmad Rejal Arbee.

Turut hadir Penolong Pengarang (Projek) BHSB, Hafifi Hafidz.

Pada perkembangan lain, Dr Shafie berkata, pasaran Asia Barat adalah pasaran penting bagi bidang perkhidmatan yang ditawarkan Malaysia.

Beliau berkata, sehubungan itu, Kementerian Kewangan ketika ini giat mempromosikan bidang pendidikan, kesihatan dan pelancongan di negara rantau berkenaan.

(END)